

BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI DAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI/KEWANGAN JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Fasal (2) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai akaun dan aktiviti Kerajaan negeri hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri (DUN) selepas pembentangannya di Dewan Rakyat. Pada tahun 2021, dua LKAN telah dibentangkan di DUN, manakala bagi tahun 2022, iaitu sehingga 31 Ogos 2022, tiga LKAN telah dibentangkan di DUN seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA	TARIKH PEMBENTANGAN
TAHUN 2021	
LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Kedah Tahun 2019	14 November 2021
LKAN 2019 Siri 1 Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah	14 November 2021
TAHUN 2022	
LKAN 2019 Siri 2 Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah	21 Mac 2022
LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Kedah Tahun 2020	21 Mac 2022
LKAN 2020 Siri 1 Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah	18 Julai 2022

Sumber: Jabatan Audit Negara

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri (Jawatankuasa) berperanan memastikan wujudnya akauntabiliti awam di jabatan dan agensi negeri. Selaras dengan peranan ini, Jawatankuasa telah bermesyuarat dua kali masing-masing pada tahun 2021 dan 2022 bagi membincangkan LKAN yang terkini, mengkaji isu LKAN dan memastikan syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh ketua jabatan dan agensi negeri. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DI MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	JABATAN/AGENSI	PERKARA DIBINCANGKAN
TAHUN 2021			
1/2021	19 April 2021	-	Taklimat ringkas mengenai peranan dan fungsi Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam berkaitan LKAN.
2/2021	26 April 2021	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah	Pengurusan Hasil Pembalakan Negeri Kedah (Perenggan 1 LKAN 2017 Siri 2).
TAHUN 2022			
1/2022	25 Januari 2022	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.	LKAN 2018 Siri 1.
2/2022	26 April 2022	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.	LKAN 2018 Siri 1.

Sumber: Jabatan Audit Negara